

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/10/09 - 50

SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN 2019

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Cyberjaya, 9 Oktober - Sukacita dimaklumkan bahawa sempena pembentangan Bajet 2020 oleh Menteri Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan menganjurkan Seminar Percukaiian Kebangsaan mulai 15 Oktober sehingga 19 November 2019 di 23 lokasi seluruh negara.

Seminar ini diharapkan akan dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas berkaitan cadangan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 serta akta-akta berkaitan yang dibentangkan melalui Bajet 2020 tersebut dengan harapan dapat membina satu masyarakat progresif yang berpaksikan ilmu percukaiian yang bernilai tinggi.

Sehubungan itu, kami menyeru pembayar cukai, pengamal percukaiian, akauntan, perancang kewangan, setiausaha dan pengarah syarikat serta orang ramai yang berminat untuk menghadiri seminar ini bagi mengemaskini pengetahuan percukaiian mereka di samping mendapat pemahaman yang lebih mendalam berhubung isu-isu percukaiian semasa.

Topik yang akan dibincangkan sepanjang seminar ini berlangsung adalah:

- I. Cadangan-Cadangan Bajet 2020 (2020 Budget Proposals)**
- II. Pasca Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) dan Lembaran Baharu (Post SVDP And The New Horizon)**

Tarikh dan lokasi seminar adalah seperti berikut :

TARIKH	HARI	LOKASI SEMINAR
15 Oktober 2019	Selasa	Kuala Lumpur
22 Oktober 2019	Selasa	Pulau Pinang
		Kuching
		Kota Kinabalu
		Johor Bharu
		Ipoh
23 Oktober 2019	Rabu	Melaka
		Bukit Mertajam
24 Oktober 2019	Khamis	Sibu
		Kuantan
		Seremban
		Alor Setar
30 Oktober 2019	Rabu	Bintulu
31 Oktober 2019	Khamis	Tawau
4 November 2019	Isnin	Kuala Terengganu
		Sandakan



5 November 2019	Selasa	Taiping
		Muar
7 November 2019	Khamis	Miri
18 November 2019	Isnin	Kluang
		Kota Bharu
19 November 2019	Selasa	Shah Alam
		Keningau

Sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau klik pautan di bawah untuk keterangan lanjut dan mendaftar sebagai peserta.

http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KL_2019.pdf

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 09 Oktober 2019



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube